

Menjelang Perhimpunan Agung UMNO

Enam negeri

Bahan asal dari Arkib
Negara Malaysia

hantar perwakilan penuh 26 Jun

KUALA LUMPUR, Rabu

ENAM Perhubungan UMNO Negeri akan menghantar perwakilan penuh (maksima) ke Perhimpunan Agung parti itu selama tiga hari, di sini 26 Jun ini.

Negeri-negeri berkenaan ialah Johor mempunyai 16 Bahagian akan menghantar 176 perwakilan, Kelantan 12 Bahagian (132 orang), Selangor 11 Bahagian (121 orang), Trengganu 7 Bahagian (77 orang), Negeri Sembilan 6 Bahagian (66 orang) dan Perlis 2 Bahagian (22 orang).

Mengumumkan demikian hari ini, Setiausaha Agung UMNO, Senator Datuk Haji Mustafa Jabar berkata, 1,240 perwakilan akan hadir di Perhimpunan Agung itu.

Jumlah ini termasuk 36 orang ahli Majlis Tertinggi (MT), lima wakil Pergerakan Pemuda UMNO dan lima wakil Wanita UMNO Malaysia.

Dari jumlah tersebut, katanya, 1,194 perwakilan dari 114 Bahagian UMNO seluruh negara.

Jumlah maksima perwakilan yang boleh

dihantar oleh Bahagian-bahagian ialah 11 orang termasuk Ketua Bahagian dan Bahagian yang mempunyai ahli 5,000 orang ke atas berhak menghantar perwakilan sebanyak itu.

Datuk Haji Mustafa menyatakan, Melaka yang mempunyai 4 Bahagian akan menghantar 43 perwakilan, Wilayah Persekutuan 5 Bahagian (43 orang), Perak 21 Bahagian (217 orang) — jumlah yang terbesar, Pulau Pinang 9 Bahagian (73 orang), Kedah 13 Bahagian (137 orang) dan Pahang 8 Bahagian (87 orang).

Uzur

Antara 30 hingga 40 peratus perwakilan terdiri dari ahli-ahli Pergerakan Pemuda.

Datuk Haji Mustafa mengingatkan, mana-mana perwakilan yang tidak dapat hadir kerana uzur hendaklah memberitahu pihak Ibupejabat secepat mungkin dan penggantinya mestilah mempunyai surat yang

sah ditandatangani oleh Ketua atau Setiausaha Bahagian berkenaan.

Setiausaha Agung UMNO itu menasihatkan ahli-ahli politik sama ada peringkat kebangsaan atau antarabangsa, pada pelabur dalam atau luar negeri tidak harus bimbang terhadap kedudukan politik dan ekonomi Malaysia dalam konteks pemilihan pucuk pimpinan UMNO kali ini. Tegas beliau, keputusan pemilihan itu tidak akan menjejaskan kestabilan politik dan ekonomi negara.

"Kestabilan politik dan ekonomi negara ini tidak akan terjejas, kerana telah menjadi tradisi pemimpin-pemimpin negara ini yang sambung-menyambung tugas dan tanggungjawab, akan meneruskan dasar-dasar yang telah disusun oleh parti untuk dilaksanakan oleh Kerajaan bagi kesejahteraan rakyat," ujar beliau.

Beliau memberi jaminan, selagi UMNO

terus menjadi teras pemerintahan negara ini, keadaan politik akan tetap stabil.

Mengenai pertandingan pula, Datuk Haji Mustafa berkata, semua jawatan dalam parti adalah penting dan mereka yang terpilih akan menentukan dasar-dasar parti dan pemerintahan negara.

"Oleh itu, para perwakilan yang telah matang akan dapat membuat pilihan yang teliti dan mereka yang terpilih pula akan memikul amanah dan tanggungjawab yang sangat penting bukan sahaja untuk kepentingan parti, malah kepentingan rakyat dan seluruhnya," kata beliau.

Datuk Mustafa berkata lagi: "Kita berayukur kali ini kerana Datuk Seri Dr. Mahathir mendapat kepercayaan penuh dari seluruh ahli UMNO yang mana beliau telah menang tanpa bertanding bagi jawatan Presiden Parti.

Ini, tambahnya, membuktikan ketokohan dan kelibar Datuk Seri Dr. Mahathir sebagai pemimpin atasan untuk memerintah negara dan memimpin parti.